



KENYATAAN MEDIA

UNTUK SIARAN SEGERA

MAJLIS MESRA BERSAMA PELANGGAN PTPTN 2024

1. Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), agensi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah meraikan pelanggan PTPTN yang terdiri daripada Kementerian, agensi kerajaan, agensi swasta, SAHABAT PTPTN, rakan strategik dan rakan-rakan media bersempena Majlis Mesra Bersama Pelanggan 2024 di Hotel Royale Chulan Kuala Lumpur, hari ini. Ini sebagai menzahirkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang selama ini telah banyak memberikan sokongan dan kerjasama padu dalam meningkatkan penyampaian perkhidmatan PTPTN.
2. Majlis telah disempurnakan oleh YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN. Turut hadir YBrs. Encik Ahmad Dasuki Abdul Majid, Ketua Eksekutif PTPTN, Lembaga Pengurusan PTPTN serta Pengurusan Tertinggi KPT dan PTPTN.
3. Bersempena majlis ini, PTPTN turut menerima sumbangan untuk myWaqafPTPTN daripada syarikat korporat iaitu UOB Islamic Asset Management Sdn Bhd, Saturna Sdn Bhd, Uda Holdings Berhad, Principal Islamic Asset Management Sdn Bhd, Ninja Logistics Sdn Bhd dan Bank Muamalat Malaysia Berhad yang merupakan antara penyumbang terawal sejak myWaqafPTPTN dilancarkan pada 11 Mac 2024 lalu. myWaqafPTPTN ialah dana wakaf pendidikan tinggi, hasil kerjasama PTPTN dengan Yayasan Waqaf Malaysia (YWM) bagi mempelbagaikan sumber dana pembiayaan PTPTN selain melalui pinjaman sedia ada. myWaqafPTPTN bertujuan membantu mahasiswa dalam bentuk biasiswa pendidikan tinggi yang akan mengurangkan bebanan bayaran balik pinjaman.
4. YBhg. Datuk Norliza Abdul Rahim, Pengerusi PTPTN berkata, "PTPTN menyeru sokongan semua pihak berkepentingan, rakan-rakan strategik dan para pelanggan bagi menyemarakkan amalan berwakaf melalui myWaqafPTPTN. Paling menarik, setiap sumbangan kepada myWaqafPTPTN layak mendapat potongan cukai 10% daripada pendapatan agregat di bawah Subseksyen 44 (11C) Akta Cukai Pendapatan 1967".
5. Selain itu, turut diadakan ialah penyampaian sijil penghargaan kepada sepuluh (10) rakan strategik yang menyumbang kepada galakan penabungan dan bayaran balik pinjaman bagi tahun 2023 dan 2024. Antaranya, Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kerajaan Negeri Sarawak, Kerajaan Negeri Sabah, Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM). PTPTN merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga atas komitmen dan sokongan padu rakan strategik terlibat.

6. PTPTN sebagai agensi yang memperkasa agenda pendidikan tinggi negara, sentiasa cakna dan prihatin dalam menyalurkan sumbangan kepada golongan kurang berkemampuan melalui program-program tanggungjawab sosial korporat (CSR) untuk kebajikan dan kesejahteraan masyarakat. Pada majlis yang sama, PTPTN telah memberikan sumbangan CSR berjumlah RM5,000 dalam bentuk akaun Simpan SSPN Prime kepada 10 orang pelajar istimewa iaitu lima (5) orang pelajar Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan lima (5) orang pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). UKM dan USIM telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) dengan PTPTN dan sumbangan ini merupakan salah satu bentuk kerjasama strategik, tanda keprihatinan PTPTN dalam aspek pendidikan.

7. PTPTN mengalu-alukan semua pihak untuk meneroka pelbagai bentuk kerjasama yang lebih bersepadu bersama PTPTN dengan menjadikan Simpan SSPN sebagai pilihan utama untuk pemberian insentif dan sumbangan dalam memartabatkan pendidikan tinggi negara. Ia sekali gus akan membantu meningkatkan kesedaran budaya menabung bagi tujuan pendidikan tinggi.

8. Dalam usaha menggalakkan budaya menabung, PTPTN juga proaktif dengan menganjurkan pelbagai kempen cabutan hadiah. Pada majlis ini, PTPTN turut meraikan pemenang bagi kempen Cabutan Siri WOW! Gong Xi Ang Pow. Kempen ini merupakan cabutan siri pertama bagi Cabutan WOW! Simpan SSPN 2024 telah diadakan bermula 1 Januari 2024 sehingga 29 Februari 2024 yang menawarkan hadiah lumayan berupa wang tunai berjumlah RM100,000.

9. “Melalui tabungan dalam Simpan SSPN, pelbagai manfaat dan keistimewaan disediakan kepada pendeposit. Antaranya, pelepasan taksiran cukai pendapatan sehingga RM8,000 setahun, perlindungan takaful ke atas pendeposit, Geran Sepadan sehingga RM10,000 untuk satu keluarga yang layak, dividen yang kompetitif, simpanan yang dijamin Kerajaan dan patuh syariah,” ujar beliau lagi.

10. PTPTN juga sentiasa komited agar masyarakat Malaysia mengutamakan perancangan kewangan untuk kelangsungan pendidikan tinggi anak-anak. Menjadi hasrat PTPTN untuk mentransformasikan minda masyarakat dari hanya bergantung kepada pinjaman kepada membudayakan penabungan agar anak-anak tidak dibelenggu hutang setelah tamat pengajian. Pembukaan akaun atau penambahan simpanan boleh dibuat secara dalam talian melalui aplikasi myPTPTN dengan lebih mudah, cepat dan selamat. Layari portal rasmi PTPTN di www.ptptn.gov.my untuk maklumat lanjut.

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN)

8 Mei 2024